

BERITA HARIAN, KHAMIS, 23 MAC, 1978

Mahathir jamin harga minyak tak akan naik



DR. MAHATHIR

KUALA LUMPUR, Rabu — Kerajaan tidak akan membenarkan kenaikan harga minyak tanah dan diesel kepada paras menampung kos sekalipun kenalkannya satu cara baik bagi mengatasi kekurangan bekalan.

"Kerajaan tidak sanggup berbuat demikian kerana bahan itu diguna oleh golongan miskin di negara ini," kata Timbalan Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Beliau, yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian berkata, selagi harga minyak dijual lebih rendah dari kos dan subsidi dibayar oleh kerajaan dan harga dua peringkat digunakan, kejadian kekurangan minyak tetap akan berlaku.

Kejadian ini boleh dihapuskan jika kerajaan membenarkan kenaikan harga kepada paras yang menampung kos, tetapi kerajaan tidak sanggup berbuat demikian memandangkan bahan itu digunakan oleh rakyat miskin, tegas beliau.

Kajian

Dato Seri Dr. Mahathir menyatakan demikian dalam jawapan bertulis kepada soalan Encik Farn Seong Teng (DAP-Sungai Besi) yang bertanya sama ada kerajaan telah menjalankan satu kajian komprehensif sebab kekurangan minyak tanah dan diesel yang selalu berlaku dalam negeri.

Beliau juga ingin tahu langkah-langkah yang diambil untuk mengatasinya.

Dato Seri Dr. Mahathir berkata, kementerianya telah menjalankan kajian yang komprehensif sebab kekurangan bahan tersebut semasa menimbangkan permohonan kenalkannya harga oleh syarikat-syarikat minyak pada tahun lalu kerana masalah bekalan ada kaitannya dengan harga.

Hasil kajian tersebut didapati sebab utama kekurangan bekalan minyak tanah dan diesel ialah harga-harga yang terpaksa ditetapkan mempunyai dua peringkat (two tiers).

Rendah

Untuk pengguna biasa harga yang ditetapkan adalah terlalu rendah, iaitu 82 sen satu gelen untuk minyak tanah dan \$1.18 satu gelen untuk minyak untuk diesel (ex-Kuala Lumpur).

Untuk pengguna industri, harganya ialah dalam lingkungan \$1.04 sen satu gelen untuk minyak tanah dan \$1.30 sen satu gelen untuk minyak diesel.

Dato Seri Dr. Mahathir berkata, walaupun bekalan mencukupi untuk kegunaan ramai di satu-satu kawasan kekurangan berlaku kerana:

- Beberapa industri kecil membeli minyak harga murah untuk orang biasa, sehingga bekalan di ditempat-tempat menjadi kurang;
- Penyeludupan ke luar negeri minyak yang dibekalkan untuk orang ramai;
- Pembelian berlebihan oleh beberapa orang tempatan mungkin kerana harga satu tin lebih murah daripada harga mengikut botol atau kerana takut kekurangan berlaku;
- Laporan tentang kekurangan minyak dalam akhbar biasanya menyebabkan orang ramai membeli lebih daripada keperluan semasa kerana takut kekurangan berlaku;
- Bekalan minyak kepada peruncit dibuat beberapa hari sekali, pembelian berlebihan menyebabkan bekalan habis terlalu awal dan pesanan bekalan tambahan mengambil masa untuk dipenuhi;
- Ada orang yang boleh menukar warna biru minyak tanah supaya tidak berwarna dan boleh dijual dengan harga \$1.40 sen satu gelen;
- Ada juga usaha mencampuri minyak tanah yang murah dengan diesel atau mengguna minyak tanah terus mengganti diesel.

Bertambah

Yang menjadi masalah ialah kekurangan minyak di satu-satu tempat boleh merebak ke tempat-tempat lain.

Umpamanya jika kekurangan berlaku di satu tempat kerana penyeludupan ke luar negeri, atau kerana pembelian yang berlebihan, perkara ini dilaporkan dalam akhbar.

Apabila orang lain di tempat itu atau di tempat lain membaca berita ada kekurangan minyak, mereka membeli lebih dari biasa untuk mengelak daripada kekurangan minyak.

Dengan pembelian ini, katanya, tentulah orang lain tidak akan dapat membeli minyak kerana stok peruncit untuk tujuh hari sudah habis dalam masa 5 hari.

1253
924/80